

NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT) DAN APLIKASINYA TERHADAP PEMBINAAN ELEMEN ETIKA DAN NILAI (AKHLAK) BERASASKAN AKTIVITI INKUIRI

A Muqsith Ahmad
Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya
muqsith.ahmad@yahoo.com

Zaharah Hussin
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya
zaharah@um.edu.my

Farazila Yusof
Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya
farazila@um.edu.my

Mohd Ridhuan Mohd Jamil
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Nilai
mj.mohdridhuan@gmail.com

Abstrak

Artikel ini membincangkan mengenai *Nominal Group Technique (NGT)* sebagai strategi alternatif bagi membangunkan senarai elemen etika dan nilai berasaskan aktiviti inkuiri. Hal ini sebagai alternatif bagi mengurangkan masalah sosial yang berlaku kepada golongan remaja masa kini. Teknik ini telah diaplikasikan oleh pengkaji bagi membina senarai elemen etika dan nilai (akhlahk) pada fasa pembangunan melalui konsensus pakar kajian dalam mengenalpasti dan menerima elemen kandungan model. Dapatan kajian telah mengenalpasti sebanyak 34 elemen etika dan nilai di peringkat awalan dan akhirnya hanya 30 elemen etika dan nilai dipilih sebagai komponen dalam pembangunan model kelak. Tambahan lagi, dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa teknik NGT telah membantu penyelidik mendapatkan pengesahan elemen dengan cepat dan mudah kerana elemen telah dibangunkan melalui pembacaan literatur seterusnya dibincangkan serta diundi bagi mendapatkan kesepakatan pakar. Aplikasi teknik NGT juga menambahkan lagi kepelbagaian kaedah dalam penyelidikan di Malaysia khususnya bidang pendidikan.

Kata Kunci: *Nominal Group Technique (NGT)*, Model, Etika

Abstract


This study attempts to develop a set of elements for ethical and value-based activities inquiry model for engineering skills program in Skills Training Institute of Malaysia using Nominal Group Technique (NGT). It is critical as an effort towards plummeting social problems that afflict the young generation through the application of ethical and value-based activities in teaching and learning. This study was conducted in second phase (development phase) of researcher's research based on expert's consensus in identifying and accepting the elements of the model. The findings showed that the study has identified a total of 34 elements of ethics and values in the initial stage and finally, 30 elements of ethics and values is selected as a component in the development of model. In addition, the findings show that this technique has helped researchers get the data easily and quickly because of the construction of the model can be obtained directly through percentage score items tested based on experts consensus. Hence, NGT application has been a plus for the diversity of methods in research especially in Malaysia.

Keyword : *Nominal Group Technique (NGT)*, Model, Ethic

1.0 Pengenalan

Pengkaji sedang membangunkan satu model etika dan nilai berasaskan aktiviti inkuiri bagi program kemahiran kejuruteraan Institut Latihan Kemahiran Malaysia. Kertas kerja ini merupakan fasa kedua kajian di mana fasa ini merupakan fasa pembangunan model etika dan nilai berasaskan aktiviti inkuiri bagi program kemahiran kejuruteraan Institut Latihan Kemahiran Malaysia. Secara keseluruhannya, terdapat tiga fasa dalam kajian ini iaitu analisis keperluan, pembangunan model dan penilaian kebolegunaan di mana pendekatan *Design and Development Research* (DDR) digunakan. Fasa pertama menggunakan kaedah tinjauan telah dijalankan di tiga buah institut latihan kemahiran yang mewakili sektor awam, badan berkanun dan swasta. Dapatan telah dianalisa menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) yang melibatkan dua puluh soalan berkenaan tingkah laku etika dan nilai.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 72.91 peratus pelajar mengaku terlibat dengan masalah etika dan nilai sekurang-kurangnya sekali sepanjang pengajian mereka di Institut Latihan Kemahiran. Ini memberi gambaran jelas mengenai permasalahan ini dan ia mewajarkan agar satu model dibangunkan bagi meningkatkan etika dan nilai dalam diri pelajar seterusnya menjadi nilai tambah kepada pelajar bagi menempuhi alam pekerjaan. Fasa kedua pula melibatkan penggunaan pendekatan *Interpretive Structural Modelling* (ISM) yang memerlukan sekumpulan pakar bidang dalam membuat keputusan secara konsensus. Namun begitu, salah satu prosedur dalam ISM memerlukan kumpulan pakar berbincang mengenai idea dan isu yang dikemukakan. Bagi tujuan itu, *Nominal Group Technique* (NGT) ubahsuai telah digunakan bagi mengupas isu seterusnya mengesahkan elemen yang dipilih sebelum proses ISM dijalankan. Fasa penilaian kebolegunaan yang merupakan fasa terakhir kajian ini telah menggunakan teknik *fuzzy Delphi method* (FDM) dalam menilai persepsi dan kepuasan para pelaksana terhadap model yang telah dibangunkan. Berikut adalah carta alir berkaitan metod yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 1: Carta Aliran Kajian

2.0 Nominal Group Technique (NGT)

NGT merupakan satu perbincangan kumpulan kecil secara berstruktur dalam mencapai kata sepakat (Van de Den & Delbecq, 1971). NGT juga di kenalpasti sebagai teknik temubual di mana para peserta dipertemukan secara bersemuka dan mereka bebas menyatakan pandangan secara bebas samada dalam bentuk lisan mahupun bertulis (Macphail, 2001). Teknik NGT merupakan teknik yang popular dan salah satu dari teknik yang berkesan dengan menggunakan perbincangan kumpulan secara berstruktur (Duggan et al. 2004; Dowling et al. 2000). Manakala itu, Dang (2015) menyatakan bahawa terdapat dua proses utama dalam teknik NGT iaitu perbincangan kumpulan; fasa pengundian. Tambahnya lagi, ia menghasilkan data semi kuantitatif dan formatnya digunakan bagi menggalakkan pengalaman bermakna, pendedahan interpersonal dikalangan peserta dalam mencapai kata sepakat.

Selain itu juga, teknik NGT sangat bersesuaian dengan kajian yang memerlukan persetujuan dan penilaian kerana teknik NGT mampu menghasilkan konsensus yang tinggi (Pokorny et al., 1988). Jika diimbangi kembali, pada asalnya NGT telah digunakan oleh Van de Den dan Delbecq (1971) sebagai alat bagi membantu masyarakat yang kurang bernasib baik dalam persekitaran hidup bermasyarakat. Kini, penggunaan teknik NGT telah diperluaskan lagi ke dalam pelbagai disiplin ilmu termasuklah pendidikan, perniagaan, kesihatan, sosial dan organisasi kerajaan (Abdullah & Islam, 2011).

2.1 Pembangunan

NGT telah berkembang dan telah digunakan oleh ramai penyelidik sebagai alat bagi mencapai sesuatu tujuan dalam dunia penyelidikan. Ramai penyelidik telah mengubahsuai dan sesuaikan proses NGT dengan kajian-kajian yang dijalankan. Walaubagaimanapun, prinsip asas yang menjadi tunjang proses NGT tetap dikekalkan dimana terdapat dua peringkat utama (1) pengenalpastian masalah melalui perbincangan; (2) undian bagi mendapatkan keputusan yang cepat. Selain itu, Harvey dan Holmes (2012) memperihalkan bahawa NGT memerlukan penglibatan peserta secara langsung iaitu secara bersemuka atau perbengkelan di mana peserta diberikan peluang sama adil dalam bersuara dan semua soalan kepada persoalan yang ditimbulkan juga mempunyai kesahan yang sama. Dalam erti kata yang lain, ia adalah pendapat bagi mencapai kesepakatan dalam membuat keputusan. Seterusnya bagi mendapatkan idea kepada persoalan yang timbul, ianya berlaku dalam keadaan diam, tanpa ada perbincangan dengan peserta lain atau meminta penjelasan daripada penyelidik. Hal ini bagi membolehkan peserta dapat menghasilkan pemikiran dan idea-idea mereka sendiri tanpa gangguan atau tekanan daripada orang lain, mengurangkan kebergantungan terhadap ahli lain yang mungkin tidak suka membantu dan boleh menjejaskan keseluruhan proses (McMurray, 1994).

2.2 Peserta

Terdapat beberapa perdebatan mengenai saiz sampel yang paling sesuai dalam menjalankan kajian menggunakan teknik NGT. Terdapat

sarjana yang menyatakan bahawa NGT boleh dijalankan ke atas satu kohort atau kumpulan yang besar (Lomax & McLeman, 1984; Dobbie et al., 2004) namun ia boleh dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan kecil agar komunikasi yang efektif dapat dijalankan bergantung kepada keperluan kajian. Untuk tujuan itu, berikut adalah saiz sampel yang telah digunakan oleh pengkaji lepas yang telah diperincikan dalam jadual 1.

Jadual 1 : Saiz sampel kaedah NGT pengkaji lepas

Pengkaji	Saiz Sampel
Van de Ven dan Delbecq (1971)	5 – 9 peserta & 9 – 200 peserta
Horton (1980)	7 – 10 individu
Steward (2001)	5 – 8 peserta
Allen et al (2004), Odu dan Okereke (2012)	9 – 12 peserta
Harvey dan Holmes (2012)	6 – 12 peserta
Carney et al (1996)	Min. 6 peserta
Dang (2015)	6 peserta
Kuo-Hung et al. (2006)	13 peserta
Mohd Ridhuan (2016)	21 peserta
Abdullah & Islam (2011)	7 – 10 peserta
Habibah et al. (2016)	7 – 14 peserta

Selain itu, beberapa kriteria harus dipenuhi dalam pemilihan peserta berdasarkan saranan Abdullah dan Islam (2011) di mana peserta yang terlibat haruslah orang yang berpengetahuan luas dalam bidang yang dikaji peserta pelbagai latar belakang – membolehkan peserta berkongsi pandangan isu dari sudut berbeza dan juga memberikan pandangan idea yang berbeza. Pandangan oleh Thor (1987) menyatakan bahawa individu yang cenderung mengkritik dan menilai idea orang lain dalam mesyuarat tidak disarankan untuk menyertai sesi perbincangan. Sementara itu, bagi peserta yang merupakan pakar bidang, berikut merupakan kriteria-kriteria pakar yang turut boleh digunapakai sebagaimana yang dicadangkan oleh Siti Farhah dan Saedah (2015) untuk menentukan kriteria peserta yang melibatkan perbincangan dalam kumpulan iaitu (i) individu yang mempunyai pengetahuan luas serta latar belakang atau pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan kajian ; (ii) Kerelaan dan kesesuaian masa untuk mengambil bahagian ; (iii) Mempunyai kebolehan komunikasi yang baik ; (iv) Mempunyai pengalaman melebihi 5 tahun.

3.0 Persediaan Bengkel NGT

3.1 Tempat

Pemilihan tempat untuk sesi NGT dijalankan penting agar penjanaan idea-idea berkualiti dapat dihasilkan. Pastikan tempat yang dipilih selesa dan kondusif. Meja disusun atur dalam bentuk ‘U’ bagi memudahkan perbincangan. Peserta juga dibekalkan dengan peralatan perbengkelan seperti pensil, pen, kertas, nota berkaitan dan beberapa kelengkapan yang dirasakan perlu.

3.2 Sesi Pengenalan

Terdapat beberapa perkara utama dalam sesi pengenalan yang seharusnya dipertanggungjawabkan kepada moderator yang dipilih. (1) menyatakan kata-kata aluan kepada semua peserta ; (2) tujuan perbengkelan atau kepentingan perbengkelan ; (3) memperkenalkan setiap peserta yang terlibat disamping kepakaran mereka ; (4) moderator menjelaskan garis panduan mengenai proses NGT agar semua peserta faham ; (5) menerangkan bagaimana hasil perbincangan akan digunakan.

4.0 Proses NGT

Bagi kajian ini, para pakar yang dipilih telah dipertemukan dalam sebuah perbengkelan bagi memudahkan kajian dijalankan. Perbengkelan dikendalikan oleh seorang moderator bagi memudahkan proses komunikasi dijalankan. Proses NGT yang telah dijalankan bermula dengan pengkaji pada awalnya menyenaraikan senarai elemen aktiviti yang sesuai dijalankan bagi penerapan elemen etika dan nilai untuk pelajar kemahiran kejuruteraan Institut Latihan Kemahiran Malaysia. Senarai elemen aktiviti ini teretus hasil gabungan model serta perbincangan daripada pakar. Senarai awal ini perlu sebagai panduan bagi memulakan sesi perbengkelan. Hal ini membolehkan masa perbincangan dipendekkan. Namun begitu, pakar boleh memberi respon samada bersetuju atau tidak bersetuju dengan senarai awal elemen aktiviti yang dibentangkan. Hanya aktiviti-aktiviti yang mencapai kesepakatan bersama sahaja yang dimasukkan ke dalam model yang dibangunkan. Pakar-pakar juga di benarkan menyatakan idea-idea tambahan yang difikirkan perlu bagi model. Terdapat beberapa langkah asas dalam menjalankan NGT sebagaimana dalam jadual 2 seperti yang dicadangkan oleh Mohd Ridhuan , 2016 ; Mohd Paris, 2016 ; Dang, 2015 :

Jadual 2 : Proses NGT

Fasa	Aktiviti
Fasa 1	Penerangan tentang kajian yang akan dijalankan oleh moderator <ul style="list-style-type: none">- Penerangan mengenai senarai elemen yang terhasil dari gabungan beberapa model yang membentuk senarai penuh elemen etika dan nilai berasaskan aktiviti inkuiri.- Peserta dibekalkan dengan senarai elemen lebih awal bagi memudahkan proses ulangkaji.
Fasa 2	Proses pencetusan idea oleh peserta kajian <ul style="list-style-type: none">- Berbantuan kelengkapan alat tulis yang dibekalkan, peserta menulis idea berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang masing-masing.- Masa diperuntukkan 10 – 15 minit (Odu, 2017)
Fasa 3	Perkongsian idea di antara peserta kajian <ul style="list-style-type: none">- Idea-idea dibentangkan serta dibincangkan bersama peserta.
Fasa 4	Perbincangan item, tema dan elemen bagi isu yang dikaji <ul style="list-style-type: none">- Peserta menjelaskan dan membincangkan idea-idea atau elemen yang tidak jelas sehingga semua elemen dapat difahami.- Elemen-elemen ini dikategorikan, ditambah baik, dan

ditemakan.

Fasa 5 Proses pengundian peserta kajian

- Berdasarkan senarai elemen etika dan nilai berasaskan aktiviti inkuiri yang dibangunkan, satu soal selidik diedarkan kepada peserta untuk proses pengundian.
 - Peserta boleh memberikan 7 mata untuk elemen yang paling penting, 6 mata untuk elemen yang penting dan seterusnya.
 - Moderator mengutip soal selidik bagi tujuan penganalisan.
-

Sementara itu, Islam (2003) ; Odu (2017) menyatakan bahawa bagi menjayakan sesi NGT, perkara-perkara berikut harus ditekankan iaitu tiada kritikan terhadap sebarang idea semasa sesi berlangsung ; idea yang luar biasa dan asli adalah lebih baik ; dalam penjanaan idea, kualiti idea diutamakan ; meneroka, mengubahsuai dan campuran idea diperlukan ; anonimiti idea ; penangguhan perbincangan yang mendalam sehingga semua idea dipaparkan.

5.0 Kelebihan dan Kekurangan NGT

Dalam sesuatu teknik yang diperkenalkan, pastinya terdapat kelebihan dan kekurangan dalam pengaplikasiannya. Berikut adalah kelebihan dan kekurangan bagi kaedah NGT (Dang, 2015; Odu, 2017; Delbecq et al, 1975 ; Abdullah dan Islam, 2011) :

5.1 Kelebihan

- Kaedah NGT lebih berstruktur berbanding pendekatan tradisional
- Semua peserta diberi peluang sama rata dalam perbincangan
- NGT boleh digunakan dalam kumpulan kecil mahupun dengan jumlah peserta yang ramai
- Kebiasaannya, kualiti idea yang dipilih pada sesi akhir adalah sangat tinggi. Malah, terdapat banyak kajian yang membuktikan bahawa kualiti idea NGT adalah lebih baik berbanding teknik pembuat keputusan yang lain
- Peserta tidak kelihatan bodoh di hadapan orang lain. Ini jelas menunjukkan bahawa NGT kekal telus dengan tidan menamakan peserta yang terlibat.
- NGT membantu mana-mana kumpulan yang tidak mampu untuk mendapatkan keputusan secara sepakat dalam sesuatu isu. Di samping itu, NGT memerlukan sebuah bilik mesyuarat dilengkapi dengan susunan tempat duduk yang betul, dan bahan-bahan lain.

5.2 Kekurangan

- Topik yang boleh dibincangkan melalui NGT terhad kepada satu isu dalam satu masa.
- NGT memerlukan masa yang lama (90 minit) bagi mencapai kata sepakat
- NGT memerlukan seorang moderator yang berpengalaman dalam mengawal sesi perbincangan berlangsung.

6.0 Etika dan Nilai

Dalam konteks kajian ini, pengkaji melihat perlunya di tekankan aspek etika dan nilai. Secara jelasnya, kedua-dua elemen ini seharusnya menjadi teras kepada pembangunan modal insan walaupun ia dilihat sebagai perkara yang remeh oleh sesetengah pihak. Namun dari sudut pengkaji, dua elemen ini mampu memberikan impak yang cukup besar seterusnya dapat menghasilkan modal insan yang berdaya saing. Pengukuhan yang sama turut dinyatakan oleh Mustapha Kamal, Zahiah dan Abdullah (2010) bahawa perlunya seseorang manusia itu mempunyai unsur utama yang berkualiti tinggi di mana tiga unsur utama ialah akal, rohani dan jasmani haruslah disuburkan dan disegarkan. Hal ini menjelaskan bahawa keseimbangan terhadap segala aspek harus diberi penekanan bagi melahirkan modal insan yang baik. Dalam konteks kajian ini, penekanan dua elemen ini iaitu etika dan nilai difokuskan terhadap pelajar kemahiran kejuruteraan di Institut Latihan Kemahiran Malaysia.

Dalam konteks program latihan kemahiran, terdapat kajian-kajian terdahulu yang menekankan keperluan untuk kedua-dua aspek ini diterapkan serta dikuasai oleh pelajar. Menurut Lakshman (2014), terdapat peningkatan terhadap keperluan untuk pendidikan etika dan nilai di ajar dalam bidang latihan kemahiran serta TVET di Fiji. Tambahnya lagi, terdapat beberapa halangan dikenalpasti bagi melaksanakan pendidikan etika dan nilai iaitu strategi penyampaian dan penilaian. Sementara itu, tinjauan ke atas pelatih kemahiran di lima negara *Association of South East Asian Nations* (ASEAN) mendedahkan bahawa 51 peratus majikan melaporkan bahawa terdapat jurang kemahiran serta tidak sepadan dengan keperluan kemahiran yang diperlukan di industri lalu menimbulkan kesukaran dalam proses pengambilan (Manpower Group, 2012). Hampir 3 daripada 10 majikan (28 peratus) menyatakan bahawa faktor yang menyumbang kepada ketidakpadanan kemahiran semasa ini adalah kemahiran rentas lintang iaitu salah satu komponen dalam kemahiran ini adalah etika dan nilai (UNESCO, 2014). Di samping itu juga, laporan pelaksanaan latihan kemahiran atau TVET di Nepal mencadangkan agar subjek umum juga dijadikan salah satu komponen pembelajaran (Kusago dan Phuyal, 2009). Sebagaimana umum mengetahui bahawa subjek umum yang dicadangkan adalah ke arah pembangunan sahsiah pelajar dan subjek yang sesuai adalah berkaitan penerapan etika dan nilai.

Program latihan kemahiran di Malaysia telah berkembang dengan pesat sesuai dengan statusnya sebagai negara sedang membangun. Pelbagai inisiatif di lancarkan bagi memacu pelan strategik yang di rancang kerajaan bagi meningkatkan bilangan tenaga mahir tempatan (Ridzwan, Ruhizan dan Mohammad Sattar, 2014). Statistik menunjukkan bahawa negara maju seperti Singapura, Jerman serta Australia mempunyai tenaga kerja mahir lebih dari 50 peratus (Kementerian Sumber manusia, 2011; Mohd Gazali, 2011). Dalam konteks kajian ini, program kemahiran yang sedia ada menunjukkan prestasi yang baik dimana ia menekankan aspek kompetensi dalam kursus kemahiran yang di ikuti (Mohamad Asrofi & Shahrizal, 2016). Namun begitu secara amnya, pembentukan modal insan pada peringkat pengajian tinggi di Malaysia adalah melalui kursus pengajian umum (Wan Mohd Tarmizi & Munirah, 2014; Zulkefli, 2002). Hal

yang sama turut selari dengan pandangan Lukman Hakim (2014) dimana kajiannya ke atas pelajar Politeknik menyatakan bahawa pembentukan sahsiah pelajar dapat dibentuk melalui kurikulum pendidikan Islam. Namun begitu, subjek umum yang di perkenalkan di Institut Latihan Kemahiran di Malaysia adalah subjek *Core Abilities* (Ruhizan et, al., 2015). Kemahiran-kemahiran yang ditekankan dalam subjek ini adalah kemahiran mencari dan memproses maklumat, memindah dan bertukar-tukar maklumat, kemahiran bekerja dan berinteraksi dengan orang lain, kemahiran merancang dan mengurus aktiviti kerja dan bekerja di dalam dan dengan sistem (Ruhizan et, al., 2015; JPK, 2016). *Core Abilities* merupakan satu set kemahiran umum yang digunakan dan diperlukan di pelbagai lapangan kerja dan industri (Hawke, 2003; Billing, 2003). Bersandarkan kepada kekurangan itu, di cadangkan satu kurikulum yang berteraskan etika dan nilai untuk diterapkan di Institut Latihan Kemahiran di Malaysia. Permasalahan ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan Abdul Muqsih et al., (2017) yang menyatakan bahawa 72.9 peratus pelajar kemahiran kejuruteraan melakukan kelakuan tidak beretika dan tidak berakhlak sekurang-kurangnya sekali sepanjang pengajian mereka di Institut Latihan Kemahiran. Penegasan oleh Zulkifli dan Mohd Nor (2016) juga menyatakan bahawa perlunya satu pendekatan yang bersifat holistik dalam pembangunan modal insan disepadukan bersama pendidikan latihan kemahiran di Malaysia. Hal ini seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang dijadikan asas kepada pembentukan pendidikan yang seimbang, harmoni dan menyeluruh (Ismail, 2015).

Kupasan ini menunjukkan bahawa terdapat kewajaran dan keperluan membangunkan sebuah model etika dan nilai di dalam proses pengajian di Institut Latihan Kemahiran Malaysia hasil dari kelompongan terhadap ketiadaan kursus yang memfokuskan aspek etika dan nilai di institusi tersebut. Dengan kewujudan model ini, ianya dapat membantu institusi dan juga pengajar dalam merancang strategi yang terbaik dalam menerapkan etika dan nilai serta pelajar juga dapat mengaplikasikan etika dan nilai dalam kehidupan seharian mereka. Dalam masa yang sama, kewujudan model etika dan nilai ini mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam usaha melahirkan pelajar yang berkemahiran dan berketrampilan seterusnya mempunyai etika, nilai dan akhlak yang baik. Saranan keperluan membangunkan model ini selari dengan cadangan yang dicadangkan oleh Chowdury 2016; Mohammad Khairi, 2016 ; Abdul Muqsih et al., 2016 ; Abdul Salam, 2010 ; Strahovnik 2016 ; Abdul Muqsih, et, al., 2017. Namun begitu, kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada pembinaan elemen etika dan nilai untuk dijadikan sebagai kandungan dalam model kelak.

7.0 Pembinaan Awalan Elemen Etika dan Nilai (Akhlag)

Pada peringkat awal, proses yang terlibat dalam bahagian ini adalah bacaan literatur, temubual pakar bertujuan untuk pengesahan elemen. Seramai 3 orang pakar telah dipilih bagi tujuan mendapatkan pandangan serta saranan yang tepat berkenaan model yang akan dibangunkan. Pakar ini mempunyai bidang yang luas dalam bidang pendidikan dimana mereka terlibat secara langsung dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran

dalam bahagian kemahiran serta pendidikan etika dan nilai. Pada peringkat ini juga, ketiga-tiga pakar ini telah dibentangkan dengan model beserta elemen-elemen yang telah di peroleh hasil pembacaan literatur. Dalam konteks kajian ini, tiga model telah dipilih dan dijadikan panduan pembentukan elemen aktiviti yang diperlukan. Sandaran model yang telah dipilih bagi pembinaan elemen aktiviti adalah seperti jadual 3.

Jadual 3: sandaran model-model bagi pembinaan elemen etika dan nilai (akhlag) berasaskan aktiviti inkuiri

Model Inkuiri (Alberta Learning, 2004)	Virtue Theory Model (Aristotle 384-322 B.C ; Weiss, 2006 ; Jennings, 2006 ; Khalidah, Rohani & Mashitah, 2010)	Model Nilai (Miskawaih 1398H ; Al-Ghazali, 1987 ; Zaharah Hussin, 2008)
Perancangan	Integriti	Hubungan Dengan Allah
Pengumpulan Maklumat	Kejujuran	Hubungan dengan Manusia
Pemprosesan Maklumat	Hormat	Hubungan dengan Alam
Pembentukan Maklumat	Kawalan Diri	Hubungan dengan Diri Sendiri
Perkongsian Maklumat	Keberanian	
Penilaian		

Bersandarkan model-model ini, pengkaji telah menemakan setiap dimensi bagi tujuan pemahaman dalam pembentukan elemen etika dan nilai berasaskan aktiviti-inkuiri bagi program latihan kemahiran kejuruteraan Institut Latihan Kemahiran Malaysia. Kesemua model ini juga di persetujui oleh kesemua pakar untuk dijadikan asas kepada pembentukan elemen aktiviti ke atas model yang akan dibangunkan. Hasil dari perbincangan oleh para pakar yang terlibat, konsesus dicapai dimana kesemua pakar mencadangkan kaedah inkuiri harus dijalankan bersama dengan penerapan etika dan nilai terhadap pelajar program latihan kemahiran kejuruteraan. Hal ini juga dapat memandu para pelajar dalam belajar secara berdikari dan secara tidak langsung dapat menjimatkan masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Secara keseluruhannya, dapatan kajian pada peringkat ini telah diringkaskan kepada satu senarai. Terdapat 34 elemen telah disahkan dan dipersetujui oleh para pakar pada peringkat ini untuk di pertimbangkan kepada kumpulan pakar dalam sesi *Nominal Group Technique (NGT)*. Jadual 4 menunjukkan 34 elemen etika dan nilai berasaskan aktiviti inkuiri.

Jadual 4: Senarai elemen etika dan nilai berasaskan aktiviti-inkuiri

Bil	Elemen Aktiviti
1	Pengajar bertanggungjawab membimbing pelajar dalam pencarian maklumat.
2	Pengajar amanah dalam melihat rekod kehadiran pelajar di dalam kelas.
3	Pelajar menepati masa dalam menghadiri kelas yang akan dijalankan.
4	Pengajar menetapkan tempoh masa bagi sesi pembelajaran untuk ditepati.
5	Pengajar adil dalam membuat penilaian hasil pembentangan yang dijalankan oleh pelajar.
6	Pengajar merancang topik pembelajaran dari sumber yang ilmiah (sahih).
7	Pelajar merekodkan maklumat yang diperoleh dari sumber yang ilmiah (sahih)
8	Pengajar secara professional menjalankan pemerhatian terhadap proses pembelajaran yang berlaku.
9	Pelajar menggunakan kebijaksanaan dalam mendapatkan bahan yang berkaitan dengan tema pembelajaran
10	Pelajar memilih maklumat yang berkualiti berkaitan tema.
11	Pelajar teliti menyemak semula maklumat berdasarkan tema
12	Pengajar ikhlas memuji hasil dapatan pelajar bagi meningkatkan keyakinan.
13	Pengajar bercakap benar dalam membetulkan kesalahan yang dibentangkan pelajar.
14	Pengajar telus dalam menjalankan ujian secara bertulis atau amali bagi menguji pemahaman pelajar.
15	Pelajar menghargai teguran yang di lontarkan pengajar bagi tujuan penambahbaikan.
16	Pelajar tidak mementingkan diri sendiri dalam membentuk kumpulan perbincangan.
17	Pengajar meminta pelajar pelajar membandingkan maklumat yang diperoleh dengan rakan secara bekerjasama.
18	Pelajar berterima kasih kepada pengajar atas tunjuk ajar yang diberikan
19	Pelajar tolong menolong dalam membangunkan semula maklumat yang diperoleh
20	Pelajar yakin dalam mempersembahkan hasil dapatan yang diperoleh kepada pengajar dan rakan
21	Pelajar positif berkongsi penemuan baru dengan pengajar dan rakan
22	Pelajar fokus terhadap arahan yang disampaikan oleh pengajar
23	Pengajar memandu pelajar bagi proses pengumpulan maklumat dengan sistematik.
24	Pelajar berlapang dada dengan teguran yang di sampaikan pengajar berkenaan hasil dapatan.
25	Pengajar berterus terang dalam menyatakan tema pembelajaran yang akan dijalankan.
26	Pengajar berterus terang dalam menyatakan objektif pembelajaran

-
- kepada pelajar
- 27 Pelajar terbuka untuk bersoal jawab dengan pengajar berkaitan hasil dapatan
 - 28 Pengajar berdedikasi dalam menyediakan bahan pembelajaran.
 - 29 Pelajar membuat penyelidikan terperinci secara individu dengan penuh minat.
 - 30 Pelajar komited dalam membuat rumusan hasil dapatan yang diperoleh bagi tujuan penambahbaikan.
 - 31 Pengajar tegas dalam menetapkan kriteria jawapan yang dikehendaki.
 - 32 Pengajar kreatif dalam merangsang pemikiran pelajar di dalam set induksi
 - 33 Pelajar bersungguh-sungguh menyusun maklumat yang diperoleh mengikut keutamaan.
 - 34 Pelajar berusaha mengelaskan maklumat berdasarkan tema
-

Hasil daripada dapatan awal ini akan dijadikan asas kepada panel pakar dalam menilai serta mengesahkan elemen ini dalam perbengkelan NGT sebelum ianya digunakan sebagai kandungan dalam model.

8.0 Aplikasi NGT Terhadap Pembinaan Elemen Etika dan Nilai

Pada peringkat ini, hasil dapatan dalam jadual 4 digunakan untuk dibentangkan kepada kumpulan 8 orang pakar pada sesi NGT bertujuan mendapatkan pandangan, menjelaskan idea, struktur ayat serta membuat keputusan samada mengekalkan atau menolak idea yang tidak relevan dengan konteks kajian. Pada akhir pertemuan sesi NGT, satu konsensus dicapai oleh kumpulan pakar dimana pakar bersepakat menerima 30 elemen aktiviti daripada 34 elemen aktiviti yang telah dicadangkan pada peringkat awal. Elemen-elemen yang telah dipilih ini telah di sahkan dan telah ditambahbaik struktur ayatnya oleh kumpulan pakar. Para pakar juga telah diberikan satu set soal selidik bagi kesahan dan kebolehpercayaan data dalam penghasilan model etika dan nilai berasaskan aktiviti inkuiri bagi program latihan kemahiran kejuruteraan sebelum proses *Interpretive Structural Modelling* (ISM) dijalankan. Pengundian ini juga bertujuan untuk menerima dan menolak elemen yang telah dicadangkan hasil perbincangan yang telah diperdebatkan dalam kumpulan ini. Jadual 5 menunjukkan hasil dapatan yang diperoleh bagi pembinaan elemen etika dan nilai berasaskan aktiviti inkuiri bagi program latihan kemahiran kejuruteraan beserta skor, peratusan dan juga keutamaan hasil dari undian untuk mendapatkan konsesus pakar berkenaan elemen yang telah dibentangkan. Skala yang digunakan bagi tujuan pengundian ini adalah skala 1 hingga 7 iaitu, skala 1= Teramat Tidak Setuju ; 2 = Sangat Tidak Setuju, 3 = Tidak Setuju ; 4 = Kurang setuju ; 5 = setuju ; 6 = Sangat Setuju ; 7 = Teramat Setuju.

Jadual 5: Dapatan Data NGT: Kedudukan keutamaan elemen etika dan nilai berasaskan aktiviti inkuiri

	Elemen Aktiviti Inkuiri	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	Jumlah Skor	Peratus (%)	Status Penilaian	Rank
1	Pengajar bertanggungjawab membimbing pelajar dalam pencarian maklumat.	7	7	7	6	7	7	7	7	55	98	Terima	1
2	Pengajar amanah dalam memantau rekod kehadiran pelajar di dalam kelas.	6	7	6	7	7	7	6	7	53	95	Terima	2
3	Pelajar menepati masa dalam menghadiri kelas yang dijalankan.	6	7	6	7	7	7	6	7	53	95	Terima	2
4	Pengajar menetapkan tempoh masa bagi sesi pembelajaran untuk ditepati oleh pelajar.	6	7	6	7	6	7	6	6	51	91	Terima	3
5	Pengajar adil dalam membuat penilaian hasil pembentangan yang dijalankan oleh pelajar.	6	7	6	7	6	6	6	5	49	88	Terima	4
6	Pengajar merancang topik pembelajaran dari sumber ilmiah.	6	7	6	7	7	7	6	7	53	95	Terima	2
7	Pelajar merekodkan maklumat yang diperolehi dari sumber yang ilmiah.	6	7	6	7	7	7	7	6	53	95	Terima	2
8	Pengajar secara professional menjalankan pemerhatian terhadap proses pembelajaran yang berlaku.	7	7	6	7	7	7	7	7	55	98	Terima	1
9	Pelajar mendapatkan bahan yang berkaitan dengan tema pembelajaran secara bijaksana.	7	7	6	7	7	7	7	7	55	98	Terima	1
10	Pelajar memilih maklumat yang berkualiti berkaitan tema pembelajaran.	7	7	5	6	7	7	7	5	51	91	Terima	3

11	Pengajar ikhlas memuji hasil dapatan pelajar bagi meningkatkan keyakinan.	7	7	5	6	7	7	6	6	51	91	Terima	3
12	Pengajar jujur membentulkan kesalahan dalam pembentangan pelajar.	7	6	6	7	7	7	7	6	53	95	Terima	2
13	Pengajar telus dalam menjalankan ujian bagi menguji pemahaman pelajar.	6	6	6	7	7	7	6	6	51	91	Terima	3
14	Pelajar menghargai teguran yang di lontarkan pengajar bagi tujuan penambahbaikan.	6	7	6	7	7	7	6	7	53	95	Terima	2
15	Pelajar membentuk kumpulan perbincangan secara adil.	7	7	6	7	7	7	7	7	55	98	Terima	1
16	Pengajar meminta pelajar membandingkan maklumat yang diperoleh dengan rakan secara bekerjasama.	7	7	6	7	7	6	6	7	53	95	Terima	2
17	Pelajar tolong menolong dalam membangunkan semula maklumat yang diperoleh	7	7	6	7	7	7	7	7	55	98	Terima	1
18	Pelajar yakin mempersembahkan hasil maklumat yang diperoleh kepada pengajar dan rakan	5	7	6	6	7	7	6	5	49	88	Terima	4
19	Pelajar berkongsi penemuan baru dengan pengajar dan rakan secara positif.	5	7	6	7	7	7	5	7	51	91	Terima	3
20	Pelajar memberi perhatian terhadap arahan yang disampaikan oleh pengajar	5	7	6	7	7	7	6	6	51	91	Terima	3
21	Pengajar memandu pelajar dalam proses pengumpulan maklumat secara sistematik.	5	6	6	7	6	7	5	5	47	84	Terima	5

22	Pengajar merangka tema pembelajaran yang akan dijalankan.	7	6	6	7	6	7	7	5	51	91	Terima	3
23	Pengajar menyatakan objektif pembelajaran kepada pelajar dengan jelas.	7	7	6	7	7	7	7	7	55	98	Terima	1
24	Pelajar bersoal jawab secara terbuka bersama pengajar berkaitan maklumat yang diperolehi.	7	7	6	6	7	7	7	6	53	95	Terima	2
25	Pengajar berdedikasi dalam menyediakan bahan pembelajaran.	7	7	6	7	7	7	7	7	55	98	Terima	1
26	Pelajar komited membuat rumusan hasil maklumat yang diperolehi.	6	7	6	7	7	6	6	6	51	91	Terima	3
27	Pengajar memberi penekanan terhadap kriteria jawapan yang dikehendaki.	6	7	7	7	7	6	7	6	53	95	Terima	2
28	Pengajar kreatif merangsang pemikiran pelajar di dalam set induksi	6	6	7	7	7	6	6	6	51	91	Terima	3
29	Pelajar berdisiplin menyusun maklumat yang diperolehi mengikut keutamaan.	6	6	7	7	7	5	5	6	49	88	Terima	4
30	Pelajar menjalankan refleksi sendiri selepas sesi pembelajaran	6	6	7	7	6	5	5	5	47	84	Terima	5

* P = Pakar * Peratusan Penerimaan \geq 70%

Hasil dari pengundian yang dibuat dan dapatan yang diperoleh berdasarkan jadual 5, berikut adalah senarai elemen etika dan nilai berasaskan aktiviti inkuiri mengikut kedudukan keutamaan yang telah disepakati dan diterima oleh kumpulan pakar yang dipilih untuk digunapakai dalam membangunkan model. Analisa dapatan bagi tujuan ini menggunakan pengukuran skala 7 mata. Bersandarkan analisis dapatan undian ini, senarai akhir elemen telah disusun mengikut keutamaan seperti yang disenaraikan. Kedudukan keutamaan ini sangat penting kerana ia merupakan salah satu prosedur yang mesti dijalankan sebelum pendekatan *Interpretive Structural Modelling* (ISM) dijalankan. Berikut adalah senarai akhir elemen etika dan nilai berasaskan aktiviti inkuiri yang telah disusun mengikut keutamaan.

1. Pengajar bertanggungjawab membimbing pelajar dalam pencarian maklumat.
2. Pengajar secara professional menjalankan pemerhatian terhadap proses pembelajaran yang berlaku.
3. Pelajar mendapatkan bahan yang berkaitan dengan tema pembelajaran secara bijaksana.
4. Pelajar membentuk kumpulan perbincangan secara adil.
5. Pelajar tolong menolong dalam membangunkan semula maklumat yang diperoleh
6. Pengajar menyatakan objektif pembelajaran kepada pelajar dengan jelas.
7. Pengajar berdedikasi dalam menyediakan bahan pembelajaran.
8. Pengajar amanah dalam memantau rekod kehadiran pelajar di dalam kelas.
9. Pelajar menepati masa dalam menghadiri kelas yang dijalankan.
10. Pengajar merancang topik pembelajaran dari sumber ilmiah.
11. Pelajar merekodkan maklumat yang diperoleh dari sumber yang ilmiah.
12. Pengajar jujur membetulkan kesalahan dalam pembentangan pelajar.
13. Pelajar menghargai teguran yang di lontarkan pengajar bagi tujuan penambahbaikan.
14. Pengajar meminta pelajar membandingkan maklumat yang diperoleh dengan rakan secara bekerjasama.
15. Pelajar bersoal jawab secara terbuka bersama pengajar berkaitan maklumat yang diperolehi.
16. Pengajar memberi penekanan terhadap kriteria jawapan yang dikehendaki.
17. Pengajar menetapkan tempoh masa bagi sesi pembelajaran untuk ditepati oleh pelajar.
18. Pelajar memilih maklumat yang berkualiti berkaitan tema pembelajaran.
19. Pengajar ikhlas memuji hasil dapatan pelajar bagi meningkatkan keyakinan.
20. Pengajar telus dalam menjalankan ujian bagi menguji pemahaman pelajar.
21. Pelajar berkongsi penemuan baru dengan pengajar dan rakan secara positif.

22. Pelajar memberi perhatian terhadap arahan yang disampaikan oleh pengajar.
23. Pengajar merangka tema pembelajaran yang akan dijalankan.
24. Pelajar komited membuat rumusan hasil maklumat yang diperolehi.
25. Pengajar kreatif merangsang pemikiran pelajar di dalam set induksi.
26. Pengajar adil dalam membuat penilaian hasil pembentangan yang dijalankan oleh pelajar.
27. Pelajar yakin mempersembahkan hasil maklumat yang diperolehi kepada pengajar dan rakan.
28. Pelajar berdisiplin menyusun maklumat yang diperolehi mengikut keutamaan.
29. Pengajar memandu pelajar dalam proses pengumpulan maklumat secara sistematik.
30. Pelajar menjalankan refleksi sendiri selepas sesi pembelajaran

9.0 Kesimpulan

Kajian ini telah menjelaskan mengenai sejarah, pembangunan, penyediaan serta proses pendekatan NGT di samping turut memperihalkan mengenai kelebihan dan kekurangan teknik ini dalam membangunkan elemen etika dan nilai berasaskan aktiviti inkuiri. Senarai elemen etika dan nilai ini bertujuan untuk dijadikan sebagai kandungan terhadap model yang akan dibangunkan kelak. Dalam mengurangkan permasalahan berkaitan sosial, model etika dan akhlak boleh dijadikan salah satu alternatif sebagai usaha ke arah tersebut. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa terdapat 30 senarai elemen etika dan nilai (akhlag) berasaskan telah berjaya dibangunkan menggunakan teknik NGT. Teknik NGT ternyata berkesan sebagai alat pembuat keputusan bagi mendapat persetujuan secara kolektif atau bersama dalam menyelesaikan sesuatu isu atau permasalahan. Pengaplikasian teknik NGT telah membantu pengkaji dalam mengenalpasti elemen yang terbaik untuk dijadikan garis panduan kepada pengajar bagi menerapkan etika dan nilai ke dalam diri pelajar. NGT bukan sahaja membantu pengkaji dalam menjimatkan masa malah telah membantu pengkaji dalam mendapatkan pandangan yang tepat dan jitu kerana pakar yang terlibat merupakan pakar yang sangat arif dan berpengalaman dalam bidang kajian. Aplikasi teknik NGT juga menambahkan lagi kepelbagaian kaedah dalam penyelidikan di Malaysia khususnya bidang pendidikan.

Rujukan

Abdullah, M. M., & Islam, R. (2011). Nominal Group Technique and its Applications in Managing Quality in Higher Education. Pak. *Journal of Commercial & Social Sciences*. Vol. 5 (1), Pg. 81-99.

Abdul Muqsith, A., Zaharah, H., Farazila, Y., Mohd Ridhuan, M. J., Maisarah, A. M. (2016). Persepsi Pelajar Seni Mushaf Terhadap Kelakuan Tidak Beretika : Kajian Di Kolej Restu. *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam (ISPEN-i)*. Universiti Malaya.

Abdul Muqsith, A., Maisarah, M. A., Zaharah, H., Farazila, Y., & Mohd Ridhuan, M. J. (2017). Masalah Etika Dan Akhlak Pelajar Kemahiran Kejuruteraan: Analisis Keperluan. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 5(2).

Abdul Salam, Y. (2010). *Idea-idea Pendidikan Berkesan Al-Ghazali & Konfusius*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Alberta Learning, Learning and Teaching Resources Branch. (2004). *Focus on inquiry: A teacher's guide to implementing inquiry-based learning*. Alberta, Canada.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1987). *Ihya' Ulum al-Din*. Jil. 3. Terj. Ismail Yakub SH. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.

Aristotle, (350 B. C. E.). *Nicomachean Ethics*. In Gensler, H. J., Spurgin, E. V., Swindal, J. C. (eds) (2004). *Ethics: Contemporary Readings*. New York: Routledge

Billing, D. (2003). Generic cognitive abilities in higher education: An international analysis of skills sought by stakeholders. *Compare*, 33(3), 335-350.

Carney, O., McIntosh, J., & Worth, A. (1996). The use of the Nominal Group Technique in research with community nurses. *Journal of Advanced Nursing*, 23(5), 1024-1029.

Chowdhury, M. A. (2016). Emphasizing morals, values, ethics, and character education in science education and science teaching. *The Malaysian Online Journal of Educational Science*, 4 (2), 1-16.

Dang, V. H. (2015). The Use of Nominal Group Technique: Case Study in Vietnam. *World Journal of Education*, Volume 5(4), 14-25.

Dobbie, A., Rhodes, M., Tysinger, JW. & Freeman, J. (2004). Using a Modified Nominal Group Technique as a curriculum evaluation tool, *Family Medicine* 36 (6), 402-406.

Dowling K. L., St. Louis R. D. (2000). Asynchronous implementation of the nominal group technique: Is it effective? *Decision Support Systems*. Vol. 29 (3), Pg. 229-248

Duggan, W. E., Thachenkary, C. S. (2004). Integrated nominal group technique and joint application development for improved systems requirements determination. *Information & Management*, vol. 41, Pg. 399-411.

Habibah @ Artinie R., Zaharah H., Saedah S., Mohd Ridhuan M. J., Ahmad Arifin S., Norshahrul M. N., (2016) Aplikasi Teknik NGT (Nominal Group

Technique – Teknik Kumpulan Nominal) Dalam Penyelidikan Pendidikan Islam. *Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam*.

Harvey, N., & Holmes, C.A. (2012). Nominal group technique: An effective method for obtaining group consensus. *International Journal of Nursing Practice*, 18(2), 188-194.

Hawke, G. (2003). Generic Skills' in a Changing Work Environment. *Generic Skills in Vocational Education and Training*. Adelaide: *NCVER Ltd*. 19-38.

Horton, J.N. (1980). Nominal group technique: A method of decision making by committee. *Anaesthesia*, 35(8), 811-814.

Ibn Miskawaih (1398H). *Tahdzib Al-Akhlag*, Beirut. Mansyurat Dar Maktobat Al Hayat.

Islam M. N. (2003). Functional dimensioning and tolerancing software for concurrent applications. *Computers in Industry*, Vol. 54, pg. 169-190.

Ismail, S. (2015). Pembangunan Insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*, Vol. 8(No. 2), pp. 83-99.

Jennings, M. J. (2006), *Business Ethics* (5th Ed.), United States of America: Thomson/ West.

Kementerian Sumber Manusia (2011). Kajian Tahap kebolehkerjaan graduan persijilan kemahiran Malaysia di Institut Latihan Kemahiran Awam.

Khalidah K. A., Rohani, S., & Mashitah, S. (2010). A study on the level of ethics at a Malaysian private higher learning institution: comparison between foundation and undergraduate technical-based students. *International Journal of Basic and, Applied Statistics*, 10(8), 35-49.

Kuo-Hung T., Shi-Jer L., Diez C. R., Hung-Jen Y. (2006). Using online Nominal Group Technique to Implement Knowledge Transfer. *Journal of Engineering Education*, pg. 335-345.

Kusago, T., & Phuyal, K. (2009). *TVET and Secondary School Education in Nepal: A case study of Hetauda, Makwanpur*. Purbanchal University, Nepal.

Laman Web Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (2016).

Lakshman, S. (2014). Education For Ethical Practices: Aligning Curriculum To Workplace Needs And Objectives. *International Journal of Technical Research and Applications*. Special Issue 10. P 132-135.

- Lukman Hakim, A. (2014). Persepsi pelajar terhadap kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dalam pembentukan sahsiah Muslim. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(2), 133-140.
- Lomax, P. & McLeman, P. (1984). The uses and abuses of nominal group technique in polytechnic course evaluation, *Studies in Higher Education*, 9 (2), 183-190.
- Macphail, A. (2001). Nominal Goup Technique: a useful method for working with youngpeople. *British Educational Research Journal*, 27, 161-170.
- Manpower Group (2012). Youth Employment Challenge and Solutions. pg 5 retrieved on 30th April 2017 from http://www3.weforum.org/docs/Manpower_YouthEmploymentChallengeSolutions_2012.pdf
- McMurray, A.R. (1994). Three Decision-making Aids: Brainstorming, Nominal Group and Delphi Technique. *Journal for Nurses in Staff Development*, 10(2), 62-65.
- Mohammad Khairi, O., (2016). Pembentukan Akhlak Pelajar Menerusi Aplikasi Teknik-Teknik Penerapan Nilai dalam Pengajaran. *Online Journal of Islamic Education*. Volume 4, Issue 1.
- Mohd. Gazali Abas. (2011). *Isu-isu semasa Dalam Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional di Malaysia*. JPM. Unit Perancang Ekonomi. Kuala Lumpur.
- Mohd Paris S. (2016). Model Pengajaran M-Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah (*Doctoral dissertation*, University of Malaya).
- Mohd Ridhuan, M. J., (2016). Model kurikulum latihan SkiVes bagi program pengajian kejuruteraan pembelajaran berasaskan kerja (WBL) Politeknik Malaysia. (*Doctoral dissertation*, University of Malaya).
- Mustapha Kamal, A. K., Zahiah, H. & Abdullah, Y. (2010). Pembangunan Modal Insan dan Tamadun Islam Dari Perspektif Pendidikan Guru. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education ; Bandung Indonesia*.
- Odu, O.G., (2017). Relationship between Nominal Group Techniques and Concurrent Engineering: A Review. *International Journal of Latest Research in Engineering and Technology*. Volume 3. PP. 47-62.
- Odu, O.G., and Okereke, N. (2012). The Application of Nominal Group Technique as a Decision Making tool. *Journal of Engineering and Applied Sciences*, vol. 4, Pg. 61-66.

- Pokorny, L., Lyle, K., Tyler, M., & Topolski, J. (1988). Introducing a modified nominal group technique for issue identification. *Evaluation Practice*, 9(2), 40-44.
- Ridzwan, C. R., Ruhizan M. Y., & Mohammad Sattar, R. (2014). From Zero to Hero: Becoming an Employable Knowledge Worker (k-worker) in Malaysia. *TVED@Asia*, 3, 1-16.
- Ruhizan, M. Y., Norazah, M. N., Khadijah, M. N., Mohd Bekri, R., & Faizal Amin, N. Y., (2015). Penguasaan Core Abilities Dalam Kalangan Pelatih Institut Latihan Kemahiran Agensi Awam Di Bawah Kementerian Sumber Manusia. *SkillsMalaysia Journal*. Vol.1, No.1. 87-94.
- Siti Farhah A. A. & Saedah S. (2015). Pembangunan Model Objektif Kurikulum Berasaskan Taman Buah-Buahan Dan Sayur-Sayuran Berkhasiat Untuk Sekolah Rendah Orang Asli. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik. Bil 3 Isu 3. 1-13*
- Steward, B. (2001). Using Nominal Group Technique to Explore Competence in Occupational Therapy and Physiotherapy Students during First-Year Placements. *British Journal of Occupational Therapy*, 64(6), 298–304.
- Thor, C. (1987). Nominal group technique. *Incentive Marketing*, 101, 28-29.
- UNESCO. (2014). Transversal Skills in Technical and Vocational Education and Training (TVET): Focus on Pedagogies and Assessment in the Asia.
- Van de Ven, A., & Delbecq, A.L. (1971). Nominal versus Interacting Group Processes for Committee Decision-Making Effectiveness. *Academy of Management Journal*, 14(2), 203-212.
- Wan Mohd Tarmizi, W. O. & Munirah, M. (2014). Pelaksanaan Kursus Pengajian Umum Berteraskan Pendidikan Islam Dalam Pembinaan Modal Insan: Pengalaman Politeknik *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan*.(INSAN2014)
- Weiss, J. W. (2006). *Business Ethics: A Stakeholder and Issues Management Approach* (4th Ed.), Toronto Canada: Thomson South Western.
- Zaharah H. (2008). Pembinaan kandungan kurikulum Pendidikan Akhlak untuk latihan Perguruan Pendidikan Islam. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Zulkifli M. N., (2002). *Pandangan para pelajar terhadap kursus TITAS di IPTA: Suatu kajian kes di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Darul Aman*. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin.

Zulkifli, M. S., & Mohd Nor, M. (2016). Pendidikan, Latihan Teknikal Dan Vokasional (PLTV) Mampan: Satu Sorotan Falsafah Pendidikan Melahirkan Modal Insan Holistik. *SkillsMalaysia Journal*. Vol. 2, No. 1. 1-10.